

**TEKS PERGULUNGAN  
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022  
PENGAL PERTAMA**

Salam Anak Malaysia, Salam Anak Mutiara, Salam Anak Muda dan Salam Penang 2030.

Terlebih dahulu, ingin saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Sesi penggulungan Penggal 1 Sidang Muda Pulau Pinang 2022.

saya ingin menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh YB Bertam berkaitan mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengkaji semula keberkesanan TWOAS (dengan izin yang dipertua ).Kerusi Tambahan untuk Wanita atau Top-up Women-Only Additional Seats (TWOAS)

Matlamat TWOAS(dengan izin yang dipertua ) ialah

1. Membawa semua isu serta permasalahan kaum wanita dalam Sidang DUN
2. Menggalakkan wanita untuk melibatkan diri dalam politik

Untuk penjelasan dewan yang mulia ini kita haruslah mengkaji sebab-sebab parti - parti politik enggan memberi peluang untuk wanita sebagai calon parti mereka dan bukanlah menuding jari kepada dasar TWOAS (dengan izin yang dipertua ) itulah sesuatu yang tidak adil. Jadi saya akan menjelaskan sebab -sebab parti- parti politik enggan mencalonkan wanita sebagai calon kerusi .

1.Pemikiran tradisional bahawa wanita tidak setaraf dengan lelaki

-kemampuan perempuan adalah lebih lemah berbanding dengan lelaki  
-Perempuan lebih sesuai menjadikan suri rumah

-Anak Perempuan Ahmad Zahid bin Hamidi berpendapat perempuan tidak sesuai untuk menjadi pemimpin

Kerajaan negeri saya merupakan kerajaan yang bertanggungjawab saya berjamin jika dalam pilihan raya ke-15 parti-parti politik mengurangkan penamaan calon wanita maka akan berdukk dengan parti pemimpin parti politik tersebut di pejabat saya untuk mencari penyelesaian masalah dan sekiranya perlu maka akan berbincang bersama-sama dengan exco -exco yang lain dan ketua menteri supaya mengaji semula dasar TWOAS (dengan izin yang dipertua ). Oleh itu kerajaan negeri berpendapat semua wakil rakyat haruslah bersabar untuk melihat keputusan pilihan raya ke -15 sama ada mengaji semula dasar TWOAS (dengan izin yang dipertua )atau tidak .Hal ini dikatakan demikian kerana dasar TWOAS dilaksanakan pada tahun 2021 jadi tidak ada statistik yang jelas bahawa dasar TWOAS (dengan izin yang dipertua )semestinya akan menyebabkan parti -parti politik mengurangkan penamaan calon wanita.Kita tahu bahawa mungkin kesan dasar TWOAS(dengan izin yang dipertua ) positif mungkin juga menyebabkan kesan buruk tidak semestinya 100% mengakibatkan kesan buruk.Jadi saya harap wakil rakyat di dewan yang mulia ini agar sabar terdahulu.Mungkin anda akan bertanya-tanya kenapa tidak lihat contoh yang sedia ada tetapi jawabannya tidak ada .Kalau kita lihat pilihan raya negeri melaka 15 calon (13.5%)wanita dinamakan oleh pelbagai parti 5 calon wanita yang menang dalam pilihan raya negeri melaka .Kalau kita melihat contoh pilihan raya negeri Johor 37 calon wanita telah dinamakan oleh pelbagai parti politik (26.8%) dann sebanyak 15 calon wanita telah menang dan dipilih sebagai wakil rakyat (15.5%).Contoh-contoh yang berikut telah membuktikan keinginan parti-parti politik menamakan calon wanita jadi situasi yang sama diletakkan dalam pilihan raya negeri pulau pinang yang akan datang maka dasar TWOAS (dengan izin yang dipertua ) tidak akan menjejaskan bilangan calon wanita dinamakan oleh parti-parti politik.Jadi pihak kerajaan negeri telah membuktikan keinginan parti-parti politik untuk memberikan peluang kepada wanita .Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar bahawa sesuatu dasar tidak semestinya sempurna tidak semestinya disokong oleh semua pihak .Jadi kalau kes kemalangan jalan raya berlaku adakah kita nak haramkan kenderaan ,kalau adakah keburukan dasar TWOAS (dengan izin yang dipertua ) adakah kita nak mengaji semula dasar tersebut dan menghapuskan dasar tersebut .Kita perlu bijak berfikir kalau kebaikan dasar TWOAS (dengan izin yang dipertua ) lebih daripada keburukan jadi kita kekalkan dasar TWOAS(dengan izin yang dipertua ) dan sebaliknya kalau keburukan dasar TWOAS (dengan izin yang dipertua ) lebih daripada kebaikan jadi kerajaan negeri akan mengaji semula dasar tersebut .Itulah jaminan pihak kerajaan negeri .

## PULAU PINANG

saya ingin menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh YB Permatang Berangan berkaitan mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi perhatian terhadap isu masalah keganasan rumah tangga .Untuk maklumat dewan setakat 18 Feb 2022 sebanyak 458 kes dilaporkan 17 ceramah dilakukan ,sebanyak 6 bengkel dilakukan dan lebih kurang 700 peserta.Mulai tahun 2014 kerajaan negeri Pulau Pinang merupakan kerajaan negeri yang pertama melancarkan kempen “Penang Goes Oranges”(dengan izin yang dipertua ) dan menubuhkan 30 Flrst Support Point (dengan izin yang dipertua ) Semua ini merupakan cara-cara yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga .Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar bahawa tindakan yang boleh dilakukan agar minimum oleh itu pihak kerajaan

negeri Pulau Pinang memerlukan dasar -dasar dan sumber -sumber yang baik dan secukupnya dirancang oleh kerajaan Persekutuan lebih berkesan supaya masalah keganasan rumah tangga dapat dibanteras.

Oleh sebab kesuntukan masa saya akan menjawab soalan YB Berapit dan juga isu yang telah disentuh dan diberikan beberapa cadangan ketua pembangkang YB Sungai Dua secara bertulis berkaitan dengan isu terjun laut dari Jambatan Pulau Pinang

Kebelakangan ini kes -kes bunuh diri di negeri Pulau Pinang semakin bertambah . Menurut berita utusan Malaysia Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri merekodkan sebanyak 22 kes ancaman bunuh diri dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.kejadian bunuh diri tahun ini mula dilaporkan pada 6 Januari sehingga pada 25 Jun lalu melibatkan lima daerah di negeri ini manakala menurut berita Malaysia Gazette (dengan izin yang dipertua ) pada 20 Mei 2022 sebanyak 111 kes bunuh diri dilaporkan di Pulau Pinang dalam tempoh 17 bulan bermula Januari 2020 hingga Mei lalu.Ini bermakna, sepanjang tempoh itu, purata tujuh individu membunuh setiap hari. Dalam tempoh 12 hari lima orang telah bunuh diri dengan melompat jambatan Pulau Pinang .Fenomena ini harus dibincangkan di dewan yang mulia ini.

Unruk makluman dewan Ketua Menteri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa Khas dipengerusikan oleh exco **ALAM SEKITAR DAN KEBAJIKAN YB. PHEE BOON POH** dan beberapa ahli-ahli pakar mental dan ahli-ahli pakar untuk membincangkan penyelesaian masalah kepada kes terjun lompat laut yang kerap berlaku di Jambatan Pulau Pinang.

Cadangan Jangka Masa Panjang

1.Memasang jala keselamatan

Menurut SUICIDE PREVENTION ON BRIDGES: THE NATIONAL SUICIDE PREVENTION LIFELINE POSITION (dengan izin yang dipertua )yang dikaji oleh John Draper, Ph.D., Director, National Suicide Prevention Lifeline(dengan izin yang dipertua ) meletakkan papan -papan yang terdapat nombor talian mencegah bunuh diri di jambatan Pulau Pinang yang dicadangkan oleh exco **ALAM SEKITAR DAN KEBAJIKAN YB. PHEE BOON POH** tidak dapat mampu memberi apa-apa pertolongan kerana orang yang cuba membunuh diri dalam berada situasi yang sedih dan murung mengakibatkan fikiran mereka tidak sedar dan melakukan tindakan yang tidak waras jadi kita tidak boleh mengharap mereka cuba untuk meminta pertolongan melalui talian mencegah bunuh diri .Oleh itu dalam kajian tersebut mereka berpendapat memasang jala keselamatan lebih efektif .Ini juga berjaya

mengurangkan kes bunuh diri di golden gate bridge di San Francisco, California(dengan izin yang dipertua ) yang telah menjadi suatu lokasi kerap berlaku kes bunuh diri .Contoh yang lain yang berlaku di Mapo Bridge Korea(dengan izin yang dipertua ) telah meletakkan papan kenyataan dengan kata-kata seperti adakah anda telah makan adakah anda telah letih telah menyebabkan kes terjun laut dari jambatan tersebut meningkat 6 kali ganda berbanding dengan tahun lepas tahun 2012 .Ini telah menjadikan bukti yang kukuh bahawa kegagalan efektif papan kenyataan untuk menyelamatkan seseorang yang ingin terjun dari jambatan .Oleh itu pihak kerajaan negeri akan cuba meletakkan papan kenyataan dengan LED Screen yang besar (dengan izin yang dipertua ) dengan menyiarkan keburukan terjun dari jambatan Pulau Pinang secara animasi dengan suara supaya lebih menarik perhatian orang yang cuba ingin terjun dari jambatan Pulau Pinang . Selain itu penggunaan pengesanan AI (dengan izin yang dipertua )yang mengesan tindakan orang pelik dan mengesan suhu orang yang ingin terjun dari jambatan pulau pinang untuk menganalisis emosinya pada masa tersebut dan jika orang tersebut terkesan mempunyai niat untuk terjun dari jambatan Pulau Pinang maka akan memberi amaran kepada pasukan rondaan ataupun balai polis yang berhampiran untuk menghalang orang tersebut dan akan berbunyi supaya memberi perhatian kepada orang awam yang melalui jambatan pulau pinang .Ini merupakan contoh yang dilakukan oleh kerajaan Korea di Mapo Bridge (dengan izin yang dipertua ) yang berjaya mengurangkan kes terjun laut dengan penggunaan AI (dengan izin yang dipertua ) Pendek kata jawatankuasa Khas telah menerima dan membincangkan cadangan tersebut dengan syarikat PLUS agar cadangan tersebut dapat dilaksanakan.


#### Cadangan Jangka Masa Pendek

##### 1.Meronda secara kerap


Kerajaan negeri Pulau Pinang harus membina suatu pasukan atau kumpulan dengan kerjasama pihak polis maritim supaya kerap meronda perairan pulau pinang terutamanya sekeliling jambatan Pulau Pinang . Sebanyak RM 9000 akan digunakan pada setiap tindakan Khas Apa yang jelaka ialah parti MCA memberikan ganjaran sebanyak RM 5000 kepada sesiapa nelayan ( 4 orang sahaja ) yang cuba menahan orang yang ingin terjun dari jambatan Pulau Pinang tetapi setiap tindakan khas memerlukan RM 9000 itu bermaksud setiap tindakan khas akan merugikan RM 4000 kerana tidak cukup menanggung kos sebanyak RM 9000 .Pasukan secara sukarela dapat ditubuhkan supaya memberi pertolongan kecemasan untuk membasmi niat orang yang ingin cuba melompat jambatan pulau pinang dan bukanlah seperti parti MCA yang bersuara besar menggunakan 20 ribu ringgit untuk meronda jambatan Pulau Pinang selama satu minggu tetapi apa bayang pun tak nampak .Hanya cakap kosong maka kerusi pun kosong dalam dewan yang mulia ini .Pihak kerajaan negeri harus bekerjasama dengan pihak polis Pulau Pinang untuk mencari hotspot tempat orang kerap membunuh diri supaya kawasan polis tersebut dapat kerap meroda kawasan tersebut dan memberi pertolongan dengan

segera. Selain itu pihak kerajaan negeri Pulau Pinang harus memberi subsidi kepada pasukan atau individu yang membasmi niat orang lain cuba membunuh diri. Tindakan tersebut akan menarik minat orang awam melaporkan kejadian apabila menemui orang yang cuba membunuh diri dan bukanlah bersikap tidak peduli. Akhir sekali dengan penggunaan teknologi baru Dron dapat menjimatkan tenaga orang untuk meronda dan pemasangan kamera televisyen litar tertutup dengan pembesar suara supaya pakar-pakar mental dapat memberi nasihat kepada mereka di sekeliling jambatan pulau pinang ataupun di hotspot tempat kerap berlaku kes bunuh diri.

## 2. Memberikan kempen kesedaran



Pihak kerajaan negeri haruslah menganjurkan kempen kesedaran tentang jiwa ataupun cara-cara untuk mengurangkan tekanan dan beban dengan kerjasama organisasi bukan kerajaan. Menurut konsumer pulau pinang terdapat 85.5 % kes bunuh diri akibat tekanan dan masalah kemurungan. Melalui kempen tersebut diharapkan dapat memberi pengetahuan dalam meningkatkan lagi kemahiran sosial, kemahiran menyelesaikan masalah, keyakinan diri dan mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan remaja. Dengan ini apabila individu tersebut mempunyai masalah kemurungan mereka dapat merawat melalui saluran yang mereka peroleh semasa menyertai kempen kesedaran tersebut seperti talian-talian mencegah kes bunuh diri organisasi bukan kerajaan.



Kesimpulannya isu terjun dari jambatan Pulau Pinang terlibatlah beberapa exco, oleh itu saya yakin dengan kerjasama semua exco duduk bersama-sama untuk menyelesaikan masalah tersebut yang berkaitan dengan portfolio masing-masing. Saya sebagai exco pembangunan sosial dan hal ehwal bukan islam ingin menyeru kepada pakar-pakar dalam kalangan rakyat ataupun rakyat-rakyat memberikan cadangan dan tulis cadangan tersebut kepada pejabat saya dan mohon kerjasama semua wakil rakyat YB untuk cuba mengumpulkan cadangan rakyat untuk menyelesaikan masalah tersebut di kawasan Adun masing-masing tak kira anda Backbencher (dengan izin yang dipertua) ataupun pembangkang. Cadangan anda yang baik akan diterima oleh pihak kerajaan negeri Pulau Pinang kerana pihak kerajaan negeri pulau pinang merupakan kerajaan yang rendah diri dan sudi belajar dari apa-apa cadangan yang diterima oleh kalangan rakyat.

Harap Jawapan saya telah menjawab soalan-soalan yang disoalkan dan ingin mengucapkan terima kasih kepada YB-YB yang telah menyoalkan soalan tentang exco pembangunan sosial dan hal ehwal bukan islam terutamanya YB Berapit Bertam Permatang Berangan dan Sungai Dua.

Sekian Terima Kasih

**Woon Li Ken**  
**N15 Padang Lalang**  
**Sidang Muda 2022 Penggal Pertama**

